

05/05/2003

Malaysia sertai perbincangan bangun Iraq

TEMERLOH: Malaysia diberi penghormatan menyertai perbincangan mengenai pembangunan semula Iraq bersama tujuh negara lain pada sesi tidak rasmi mesyuarat tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia di Washington, minggu lalu.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, yang mewakili negara pada mesyuarat itu menyifatkan pemilihan Malaysia bersama Amerika Syarikat, Russia, Perancis, Britain, Jepun dan Jerman sebagai pengiktirafan tertinggi terhadap kejayaan negara menguruskan ekonominya, terutama ketika krisis kewangan beberapa tahun lalu.

Malaysia, katanya, dijemput untuk menerangkan langkah dan mekanisme yang digunakan untuk memulihkan ekonomi tanpa meminta bantuan IMF.

"Ia bukan saja pengiktirafan terhadap Malaysia, malah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana cetusan idea dan keberaniannya menangani dua krisis ekonomi tanpa melutut kepada mana-mana pihak.

"Cara Malaysia mengikat nilai ringgit dan mengawal aliran modal, diiktiraf IMF pada sesi itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Temerloh, semalam.

Jamaludin berkata, pada sesi tidak rasmi itu Malaysia turut menyuarakan pandangannya supaya pemulihan ekonomi Iraq tidak membabitkan negara tertentu saja, tetapi dipertanggungjawabkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kita menyatakan juga penolakan Malaysia terhadap usul IMF terdahulu yang memihak dan menolak peranan PBB bagi memulihkan semula Iraq," katanya.

Mengenai pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan Dr Mahathir bulan ini, Jamaludin berkata, kerajaan sedang mengkaji kesan peperangan Iraq dan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) terhadap beberapa sektor ekonomi negara.

Katanya, antara sektor yang diberi tumpuan ialah sektor industri kecil dan sederhana (IKS) yang ada kaitan langsung dengan SARS.

"Kerajaan akan terus menggalakkan kegiatan pelancongan domestik, seperti di Langkawi dan Tioman.

"Malah, kita dapati kadar sewa bilik bagi destinasi dalam negeri sudah menurun dan ini satu perkembangan positif," katanya.